

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16/8/2013

Emosi pihak terlibat mengatasi nilai kemanusiaan - Tun Mahathir

Mesir dirayu bersikap waras

UM-16/8/2013

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 15 Ogos - Masyarakat dunia digesa merayu kepada Mesir untuk kembali bersikap waras, sekali gus menghentikan permusuhan dengan serta-merta yang telah mengakibatkan pertumpahan darah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, emosi pihak yang terlibat dalam kejadian berdarah itu ketika ini berada di tahap tinggi sehingga mengatasi nilai kemanusiaan, selain kurang memahami erti demokrasi.

"Seluruh dunia perlu merayu kepada Mesir untuk kewarasan. Sekarang ini mereka 'gila', sebab itu mereka bunuh sesama sendiri, mereka lakukan sama seperti Israel lakukan.

"Jadi kita hanya boleh merayu sahaja, apa lagi yang mampu kita buat kerana kita hanya negara kecil bukan sama besar dengan Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu Palestin di sini hari ini.

Sebanyak sembilan NGO berkaitan hadir dalam majlis yang dianjurkan Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF).

Pasukan keselamatan Mesir semalam dilaporkan mula



DR. MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan para jemputan pada perhimpunan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu Palestin di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.

menggempur penyokong bekas Presiden yang digulingkan, Mohammed Mursi seawal pukul 7 pagi.

Ikhwanul Muslimin mendak-

wa, kira-kira 2,200 orang maut manakala lebih 10,000 yang lain cedera dalam operasi yang dilancarkan oleh pasukan keselamatan Mesir di dua kem utama

penunjuk perasaan pro-Mursi.

Terdahulu, ketika berucap dalam majlis tersebut, beliau yang juga Presiden PGPF berkata, orang Islam ketika ini begitu 'si-

buk' berbunuhan sesama sendiri, sama seperti apa yang dilakukan oleh musuh Islam.

Katanya, perpaduan masyarakat Islam sudah berpecah apabila masing-masing mahu berkuasa dengan cara menggulingkan pihak yang berjaya memerintah.

Namun, jelas beliau, keadaan sebegini boleh berlaku di negara ini jika ada sesetengah pihak mahu melihat kejadian seumpamanya turut berlaku.

"Jika kita suka, mungkin perkara itu boleh berlaku, sebab ada sesetengah pihak mahu melihat berlaku di sini dan boleh turunkan kerajaan. Namun, saya rasa rakyat Malaysia kurang beremosi, baik-baik sahaja dan tidak suka berbunuh sesama sendiri," katanya.

Dalam pada itu, mengulas tentang nasib rakyat Palestin, beliau berkata, semua pihak perlu mencapai kesatuan dengan satu tujuan untuk membantu rakyat negara itu walaupun masing-masing berbeza pendapat.

"Saya percaya walaupun kita tidak mencapai kesatuan menyeluruh, sekurang-kurangnya kita sepakat kepada tujuan.

"Kita boleh tidak bersetuju kepada beberapa perkara, tetapi apabila mahu menyediakan air, ubat dan makanan kepada mereka yang nak dibantu, kita boleh bekerjasama," katanya.